

# LKIM sedia RM2 juta projek unjam manfaat 6,000 nelayan

VM 20 | 10 | 23 m/s 34

Oleh TENGKU DANISH BAHRI  
TENGKU YUSOFF  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan peruntukan RM2 juta bagi pelaksanaan projek pembesaran unjam di perairan Pantai Timur Semenanjung.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, peruntukan di bawah 'Rolling Plan 3' Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) itu membabitkan 10 lokasi di Kelantan, Pahang dan Terengganu.

Katanya, objektif utama projek berkenaan ialah menambah kepadatan dan kepelbagaiannya hidupan marin serta memulihara kawasan pembiakan ikan di perairan terlibat.

Selain itu, Muhammad Faiz berkata, usaha yang digerakkan bersama komuniti nelayan pantai itu juga dapat mewujudkan habitat baharu terutamanya di

kawasan unjam marinovasi.

"Projek pembesaran unjam ini dilaksanakan di 10 lokasi, masing-masing tiga di perairan Kelantan dan Terengganu serta empat di perairan Pahang dengan kos RM200,000 bagi setiap lokasi.

"LKIM berharap selepas ini nelayan boleh menangkap ikan melalui tangkapan sasaran berhampiran pantai selain dapat mengelak kawasan itu daripada musnah ekoran aktiviti pukat tunda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Melabuhkan Unjam di perairan Kuala Terengganu, di sini semalam.

Pada program tersebut, sebanyak 16 unit unjam marinovasi terdiri daripada gabungan 432 unit modul unjam berjaya dilabuhkan di lokasi pada kedalam 24.384 meter.

Menurut Muhammad Faiz, lebih 6,000 nelayan pantai di



MUHAMMAD Faiz Fadzil (dua dari kiri) melakukan gimik perasmian pada Program Melabuhkan Unjam di perairan Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

Terengganu dijangka dapat menerima manfaat seterusnya menambah hasil pendapatan menerusi pelaksanaan projek

berkenaan.

Katanya, untuk rekod, sebanyak 210 tapak unjam dibina di seluruh perairan negeri Tereng-

ganu sejak 1983 sehingga kini dengan RM600,000 diperuntukkan melalui RMK-12 pada tahun ini.